

Pelajar Pengurusan Perniagaan KVL dapat ilmu di Sektor Kewangan UMSKAL

UB 6.5.2019 AF

LABUAN: Seramai 20 pelajar dan lima guru pengiring Unit Pengurusan Perniagaan Kolej Vokasional Labuan (KVL) telah mengadakan lawatan ke Sektor Kewangan, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Rombongan program diketuai Ketua Unit Pengurusan Perniagaan KVL Alrenette Grance James, bersama empat pensyarah iaitu Farah Sha'adah Hamzah, Noor Adelia Ahmad Othman, Hafizah Drahan dan Nurulhuda Mohd Kamil.

Alrenette berkata pelajar terlibat adalah pelajar Tahun Dua Diploma Pengurusan Perniagaan dan pelajar Pra Diploma Pengurusan Perniagaan.

Katanya, lawatan sambil belajar itu bertujuan memberi pendedahan awal mengenai pengurusan aset dan inventori kepada pelajar berkenaan.

Selain itu, katanya, untuk mengenal pasti keperluan

aset pejabat dan pengurusan inventori yang betul.

"Iajuga bertujuan mengenal pasti cara merekod aset pejabat dan pengurusan aset yang betul serta berkesan," katanya selepas majlis taklimat Pengurusan Aset dan Inventori daripada Ketua Sektor Kewangan Mohd Nazir Ab Manan di Menara UMS Labuan.

Taklimat mengenai UMSKAL pula disampaikan oleh Penolong Pendaftar Kanan yang juga Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia Mas Adi Alimin.

Turut hadir ialah Penolong Bendahari Kanan Mohamad Anwar Abdullah dan Penolong Bendahari Noradiana Ibrahim.

Rombongan pelajar dan pensyarah Pengurusan Perniagaan turut melawat Makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) yang dikendalikan Pembantu Makmal Kanan Ezy @Norol Atikah Sabtu.

Pelajar dan pensyarah turut teruja selepas melawat Aras 13 yang menempatkan Pejabat Pengarah UMSKAL dan lokasi melihat anak bulan.

Dalam ucapan ringkasnya, Alrenette mengucapkan terima kasih atas layanan dan kerjasama Sektor Kewangan dan SPSM yang mengendalikan lawatan mengambil belajar itu yang bermula jam 2 hingga 5 petang.

Beliau berharap menerusi program itu, pelajar akan memanfaatkan ilmu yang diperolehi semasa sesi pembelajaran dan pengajaran di bilik kuliah kelak.

"Lebih banyak kerjasama dapat dijalinan antara KVL dengan UMSKAL yang merupakan IPTA tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Banyak maklumat dapat diperolehi bukan sahaja oleh pelajar tetapi juga pensyarah Pengurusan Perniagaan KVL," katanya.



ALRENETTE (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Mohd Nazir sambil diperhatikan kakitangan Sektor Kewangan dan pensyarah KVL.